

K!-REMAJA

RENCANA UTAMA »15-17
KEJAYAAN
BESAR KYSM DI
PERINGKAT ASEAN



VARIA »18

JUAL KUIH **RAYA BANTU** **RUMAH** **KEBAJIKAN**



E-SUKAN »20-21

SASAR **NEGARA JADI** **HAB E-SUKAN** **GLOBAL 2030**

ISSN 2718-6775



KOSMO!

RABU 01.04.2026
12 SYAWAL 1447

RM2

BIL. 75 TAHUN 22
PP19529/09/2019 (035123)

📷 📺 📱 kosmo online
www.kosmo.com.my



KI-REMAJA
RENCANA UTAMA •15-17
**KEJAYAAN
BESAR KYSM DI
PERINGKAT ASEAN**



VARIA •10
**JUAL KUIH
RAYA BANTU
RUMAH
KEBAJIKAN**



E-SUKAN •20-21
**SASAR
NEGARA JADI
HAB E-SUKAN
GLOBAL 2030**



KOSMO!

RABU 01.04.2026

12 SYAWAL 1447

RM2

BIL. 75, TAHUN 22

PP195290/4/2019 (035129)

@ f X kosmo online

www.kosmo.com.my



BERITA SELEBRITI •6

**Pandu mabuk,
itu pilihan
bunuh orang!**



NEGARA •6

**Tembak adik
tidak tahan
kena umpat**



DUNIA •27

**Krisis bahan
api: Seluruh
dunia
bertindak**



WAJAH-WAJAH ceria calon SPM 2025 Sekolah Menengah Sains Sultan Mahmud, Kuala Nerus selepas memperoleh keputusan cemerlang semalam.
— PUQTRA HAIRRY

Tetap cemerlang

- **Kumpulan pertama duduki SPM tanpa UPSR, PT3**
- **Pencapaian GPK terbaik dalam masa lima tahun**

PUTRAJAYA – Seramai 13,779 daripada 413,299 calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2025 merekodkan keputusan cemerlang apabila berjaya memperoleh gred A+, A dan A- bagi semua mata pelajaran.

Keputusan yang diumumkan

DARI kiri, Dhiya Zuhayra Hairul Azman, Leong Keng Nam dan Khlerria dari SMJKC Yu Hua gembira selepas mengambil keputusan SPM di Kajang, semalam.

semalam turut menyaksikan Gred Purata Kebangsaan (GPK) peperiksaan itu merekodkan pencapaian terbaik dalam tempoh lima tahun sejak 2021 dengan 4.42 mata.

Lebih membanggakan, mereka merupakan kumpulan pertama yang tidak menduduki peperiksaan utama Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3).

Keputusan itu membuktikan bahawa generasi pelajar hari ini mempu-

nyai daya tahan tinggi, termasuk menghadapi cabaran ketika pandemik Covid-19.

► **BERSAMBUNG DI MUKA 2**
LAGI BERITA DAN GAMBAR
DI MUKA 3, 4 & 5



GERNANDEZ MINGGAT STEVEN Jaya dipeluk ibunya selepas memperoleh keputusan membanggakan walaupun diuji penyakit kanser Ewing Sarcoma.

NEGARA •7

**Akta Pekerja
Gig 2025
berkuat kuasa**

Lebih 1.64 juta pekerja menerima manfaat menerusi penguatkuasaan akta itu menjadikan Malaysia antara negara di Asia yang memberi perlindungan termasuk hak dan ketelusan perjanjian kepada golongan tersebut.

NEGARA •13

**Karya pemuda
tangan emas
ke istana**

Muhammad Darwisy Mustafani, 25, mencipta kejayaan tersendiri apabila berjaya menghasilkan potret keluarga diraja termasuk Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim di atas kain songket.

NEGARA •12

**Lagi kes
pemandu
mabuk,
enam cedera**

Tidak sampai 48 jam selepas kematian pemuda di Shah Alam, seorang pemandu Range Rover Velar 2.0 dipercayai mabuk ditahan selepas merempuh van menyebabkan enam mangsa cedera di Kajang semalam.

SUKAN •36

**Nilai
Harry Kane
RM1.06 bilion**

Presiden Kehormat Bayern Munich, Uli Hoeness beri bayangan Manchester United perlu menyiapkan dana yang cukup besar bagi membawa penyerang itu ke Old Trafford, sekali gus memecahkan rekod perpindahan Neymar.



Kejayaan besar KYSM di peringkat ASEAN

SAAT nama Rayyan Harith Ahmad Rozley dan Al Hyfzul Imran Azaliddin diumumkan sebagai pemenang tiga anugerah daripada tujuh kategori utama pada Kongres Serantau ke-14 - Pencarian Saintis Muda SEAMEO (SSYS) 2026, Dewan Regional Centre for Education in Science and Mathematics, Pulau Pinang bergema dengan sorakan.

Kemenangan besar tersebut bermakna segala usaha dan kerja keras, latihan intensif dan perjalanan panjang yang dilalui oleh dua pelajar tingkatan empat di Kolej Yayasan Saad Melaka (KYSM) itu terbayar akhirnya.

Kejayaan berkenaan turut mengangkat nama Rayyan Harith dan Al Hyfzul sebagai antara peserta paling menonjol pada pertandingan berprestij itu.



Untuk makluman, pertandingan berprestij itu menghimpunkan pelajar-pelajar terbaik dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dari negara-negara di rantau Asia Tenggara.

Untuk makluman, pertandingan SSYS menghimpunkan pelajar terbaik dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dari negara-negara di rantau Asia Tenggara.

Tujuh kategori utama yang dipertandingkan ialah Sains Alam Sekitar, Sains Hayat, Sains Fizikal, Matematik dan Sains Komputer, Projek Inovasi/Reka Cipta, Kajian Sains Sosial/Tingkah Laku serta Sains Kesihatan dan Pemakanan.

Pada SSYS 2026, KYSM telah mencatat kejayaan cemerlang dengan muncul sebagai Juara dalam tiga daripada tujuh kategori utama yang dipertandingkan, sekali gus muncul Juara keseluruhan.

Anugerah yang dimenangi adalah Anugerah Emas (Special Award for Creativity/Innovation, Special Award for Commercial Potential, Outstanding Award for Presentation), Anugerah Perak (Special Award for Benefit(s) to Community, Special

Award for Project Report, Application of STEM Concepts) dan Anugerah Gangsa (Outstanding Award for Project Exhibit).

Berkongsi dengan K-Remaja, Rayyan Harith berkata, saat pasukan mereka diumumkan sebagai juara, perasaannya bercampur-baur.

"Rasa gembira, lega dan puas hati apabila penat lelah kami menyiapkan projek ini dalam masa singkat, akhirnya terbalas," katanya.

Mengulas mengenai inovasi yang dihasilkan kumpulannya, dia memaklumkan, projek tersebut dikenali sebagai SihabBOT.

Katanya, ia merupakan satu aplikasi yang dibangunkan dengan menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI) bagi menentukan sama ada individu cedera perlu mendapatkan rawatan di hospital, klinik atau boleh dirawat sendiri di rumah.

**Rencana
Utama**Oleh
**ZURAINI
MOHD. KHALID**

Juara tiga daripada tujuh kategori utama SSYS 2026

BAGI Al Hyfzul pula, pertandingan itu banyak menguji pemikiran kritikal mereka, khususnya sewaktu sesi soal jawab.

"Ini kerana sewaktu sesi itu berlangsung, apa yang kita cakap dan jawab boleh menentukan sama ada kita menang atau kalah," jelasnya.

Kejayaan itu tidak datang tanpa cabaran. Menurut Rayyan Harith, cabaran utama baginya adalah ketika dia mula hilang motivasi.

"Namun, saya bernasib baik apabila keluarga, rakan-rakan dan guru-guru penasihat sentiasa memberikan semangat supaya kami boleh menyiapkan projek ini dalam tempoh satu minggu," katanya yang menanam impian bergelar Perdana Menteri atau ahli falsafah kelak.

Sementara itu, Al Hyfzul memaklumkan, cabaran terbesar yang perlu ditempuhinya adalah melibatkan persediaan projek kerana mereka terpaksa uruskan banyak perkara seperti menghasilkan slides, poster, selain memikul tugas sebagai pengurus projek.

"Apa yang saya



AL HYFZUL (kanan) bersama Rayyan Harith berjaya meraih tiga kejuaraan pada SSYS 2026 yang berlangsung di Pulau Pinang baru-baru ini.



AL HYFZUL (kiri) dan Rayyan Harith merupakan pelajar tingkatan empat di KYSM.



PARA pelawat teruja dengan Inovasi SihotBOT yang dibangunkan oleh pasukan KYSM.

buat, urus masa sebaknya, teruskan usaha, berdoa dan bertawakal kepada Allah SWT.

"Selain itu, sokongan daripada ibu bapa, rakan-rakan dan guru penasihat kelab komputer juga banyak membantu kami," katanya bercita-cita menjadi pakar biologi marin.

Kejayaan tersebut juga sangat membanggakan kerana berjaya

mengharumkan nama negara dan KYSM di peringkat serantau.

Secara keseluruhan, pencapaian itu menjadi bukti keupayaan murid Malaysia untuk bersaing secara kompetitif di pentas antarabangsa serta menunjukkan tahap penguasaan STEM yang tinggi.

Kejayaan tersebut juga selaras dengan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) dalam memperkukuh



INOVASI SihotBOT yang dibangunkan oleh pasukan KYSM berjaya mencuri perhatian para juri.



Kedua-dua pelajar itu juga mempunyai inisiatif tinggi dan sentiasa terbuka menerima maklum balas, sekali gus membantu mereka menghasilkan projek lebih berkualiti dan berdaya saing."

pendidikan STEM dan melahirkan generasi berdaya saing global.

Sementara itu, Ketua Seksyen Teknikal dan Penasihat SihotBOT KYS Melaka, Cikgu Faizal Mahmud berkata, persiapan pelajar untuk SSYS 2026 bermula agak awal iaitu sejak mereka tingkatan satu.

"Ketika itu, kita sudah mula kenal pasti pelajar yang ada minat dan potensi, terutama dari segi cara mereka berfikir dan menyelesaikan masalah.

"Sejak itu, pelajar dibimbing secara berperingkat untuk membina asas yang kukuh daripada kefahaman konsep sehinggalah kepada cara menjalankan kajian dan menyelesaikan masalah.

"Pada masa sama, mereka turut didedahkan kepada pertandingan dari peringkat sekolah hingga antarabangsa, selain diperkukuhkan dengan ilmu pengaturcaraan yang dipelajari sejak tingkatan satu di KYS.

"Sepanjang proses itu, kita banyak buat sesi maklum balas supaya mereka boleh nampak sendiri perkembangan dan lebih yakin dengan apa yang diusahakan," jelasnya.

Faizal menambah, dalam proses latihan, pelajar digalakkan berfikir di luar kotak dengan memberi ruang untuk mereka meneroka idea, tanpa terlalu menghadkan pemikiran.



FAIZAL (kanan) merupakan guru yang bertanggungjawab membantu pasukan KYSM sehingga berjaya menjadi Juara keseluruhan pada SSYS 2026.

INFO

Pencarian Saintis Muda SEAMEO (SSYS)

- Platform saintis muda di Asia Tenggara
- SSYS ialah pertandingan serantau yang menghimpunkan pelajar sekolah menengah dari negara-negara Asia Tenggara untuk membentangkan projek penyelidikan sains mereka
- Dianjurkan oleh SEAMEO RECSAM
- Program ini dikendalikan oleh SEAMEO Regional Centre for Education in Science and Mathematics yang berpusat di Pulau Pinang
- Fokus kepada penyelesaian masalah
- Projek yang dipertandingkan biasanya berkait dengan isu dunia sebenar seperti perubahan iklim, kesihatan awam, teknologi hijau dan inovasi komuniti
- Pertandingan berprestij peringkat antarabangsa
- SSYS dianggap antara platform berprestij untuk pelajar STEM di rantau ini kerana pemenang mewakili kecemerlangan inovasi dan penyelidikan
- Menggalakkan kemahiran komunikasi saintifik
- Selain penyelidikan, peserta dinilai dari segi kebolehan membentangkan idea secara jelas, menjawab soalan juri dan mempertahankan dapatan kajian mereka

"Kadang-kadang, idea yang nampak 'biasa' itu sebenarnya boleh jadi sesuatu yang bernilai, kalau dikembangkan dengan betul.

"Kita banyak guna pendekatan, pelajar sendiri kena berfikir, bukan sekadar ikut arahan.

"Mereka juga digalakkan untuk bertanya, cabar idea sendiri dan lihat sesuatu dari sudut berbeza," ujarnya.

Mengulas mengenai kekuatan pelajarnya, Faizal melihat Rayyan Harith dan Al Hyfzul sebagai individu yang konsisten serta tidak mudah berputus asa.

"Apa yang saya nampak, mereka ini sangat konsisten dan tak mudah putus asa. "Bila jumpa masalah, mereka akan cuba faham betul-betul sebelum cari jalan penyelesaian," katanya.

Tambahnya, kedua-dua pelajar itu juga mempunyai inisiatif tinggi dan sentiasa terbuka menerima maklum balas, sekali gus membantu mereka menghasilkan projek lebih berkualiti serta berdaya saing.

Namun begitu, cabaran tetap wujud dalam membimbing para pelajar ke pertandingan berprestij itu.

Antara cabaran paling utama adalah untuk memastikan para pelajar kekal konsisten dan bermotivasi sepanjang tempoh persiapan.

"Selain itu, bagi seimbangkan antara kreativiti dengan keperluan teknikal juga bukan mudah.

"Kadang-kadang idea sudah bagus, tapi dari segi teknikal, ia masih perlu diperkembangkan lagi," jelasnya.

Sementara itu, pengurusan masa menjadi cabaran kerana pelajar perlu membahagikan waktu antara akademik dan persiapan projek selama berbulan-bulan.

Secara keseluruhan, Faizal berkata, pengalaman bertanding di peringkat sekolah hingga ke antarabangsa membantu pelajar membina keyakinan bagi mempersiapkan mereka bersaing di peringkat lebih tinggi selepas ini.